

TR 10:9:75

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS SANTAPAN MALAM KERANA MERAIKAN PERPISAHAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG DAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG DI BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 17HB SEPTEMBER, 1975

Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong<sup>1</sup>, Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong<sup>2</sup>.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Patik bagi pihak Kerajaan Malaysia dan pacal-pacal sekalian yang hadir menjunjung kasih yang amat sangat terhadap Kebawah Duli Tuanku berdua kerana telah sudi mencemar duli berangkat ke majlis santapan yang tidak sepatutnya ini.

Ampun Tuanku,

Majlis santapan ini diadakan ialah untuk menzahirkan perasaan taat setia patik-patik sekalian yang mewakili Kerajaan dan rakyat sekalian terhadap Kebawah Duli Tuanku dan juga untuk menzahirkan perasaan sedih yang tidak terhingga oleh kerana tidak lama lagi Kebawah Duli Tuanku akan menamatkan pemerintahan sebagai Yang Di-Pertuan Agong dan akan berpisah dari patik-patik sekalian.

Dalam masa pemerintahan Kebawah Duli Tuanku, negara Malaysia telah mengalami kemajuan yang pesat dalam semua bidang. Semua projek dalam Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dalam tahun 1970 dahulu telah berjalan menurut jadualnya. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Tuanku iaitu dengan

**1 Duli Yang Maha Mulia Tunku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.**

**2 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman.**

terlaksananya sepenuhnya Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan-rancangan Pembangunan selanjutnya, maka rakyat dari semua kaum akan menikmati taraf hidup yang lebih sempurna dalam keadaan negara yang aman, makmur dan bersatu padu.

Begitu juga, di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuanku, negara Malaysia yang dikasihi ini, menerusi dasar luarnya yang bebas dan berkecuali, telah dapat menjalin persahabatan dengan lebih ramai negara-negara di dunia tidak kira kecil atau besar ataupun fahaman politik mereka, dan negara Malaysia adalah terkenal serta harum namanya di mata dunia.

Ampun Tuanku,

Institusi Pemerintahan Beraja secara berperlembagaan telah diwujudkan di negara ini ketika kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu. Institusi ini merupakan lambang perpaduan rakyat daripada berbilang kaum dan juga lambang taat setia mereka kepada negara. Sungguhpun Institusi ini hanya berusia lapan belas tahun tetapi ianya telah berakar umbi dan disanjung tinggi serta dihormati oleh rakyat negara ini. Tercapainya keadaan ini adalah hasil dari pengorbanan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang menyandang jawatan yang tertinggi ini. Dalam masa lima tahun yang lalu, Kebawah Duli Tuanku telah menunjukkan bahawa Kebawah Duli Tuanku telah melaksanakan tugas-tugas yang berat sebagai Yang Di-Pertuan Agong dengan sempurna, penuh dedikasi dan perasaan timbang rasa. Kebawah Duli Tuanku telah mengorbankan kesenangan diri demi untuk melaksanakan tugas-tugas negara. Sesungguhnya patik-patik sekalian dan seluruh rakyat jelata amatlah menghargai dan menyanjung tinggi pengorbanan dan perkhidmatan Kebawah Duli Tuanku itu.

The Institution of Constitutional Monarchy was founded when we achieved Independence in 1957 to be a symbol of unity of our people of various races as well as of their loyalty to the country. This Institution is only eighteen years old but it has already been deeply founded and greatly cherished by our people. This has been made possible by the sacrifices made by the occupants of this high office. During the last five years, Your Majesty has shown yourself equal to the heavy responsibilities of this supreme office. You have discharged your duties with simple dignity but

with dedication and fairness. You have denied yourself so many of the comfort of ordinary life, having to give so much in ceremonial public service. You well deserve the farewell salute of the Government and people of this country.

Ampun Tuanku,

Rakyat sekalian merasa bangga dan bersyukur kerana dalam masa lima tahun telah mendapat seorang Raja yang memerintah negara Malaysia dengan penuh dedikasi dan timbang rasa. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua ke negeri-negeri dalam Malaysia serta keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua dalam majlis-majlis awam telah dapat merapatkan Tuanku berdua dengan rakyat jelata. Pacal rakyat sekalian telah menunjukkan taat setia dan kasih sayang yang amat sangat terhadap Kebawah Duli Tuanku.

Patik percaya rakyat jelata turut merasa sedih dan dukacita yang masanya telah sampai bagi Kebawah Duli Tuanku menamatkan pemerintah sebagai Yang Di-Pertuan Agong. Patik-patik sekalian serta rakyat seluruhnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala moga-moga dilanjutkan usia Kebawah Duli Tuanku berdua dalam keadaan sihat walafiat memerintah Negeri Kedah Darul-Aman serta mencapai kemakmuran yang berlebihan. Patik-patik sekalian yakin dan percaya akan terus mendapat naungan dan pimpinan Kebawah Duli Tuanku pada bila masa-masa yang sesuai dan diperlukan.

Patik sudahi persembahan patik ini dengan memohon ampun beribu-ribu ampun jua, ampun Tuanku.



**Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein di majlis santapan perpisahan yang diberi oleh Kerajaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 17hb September, 1975**